

Medan Bahasa

Bulan Bahasa Kebangsaan Dilancarkan Dengan Jayanya

Seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu dari berbagai kaum telah menyambut *Bulan Bahasa Kebangsaan* yang telah dilancarkan – bahagian pertama selama 2 minggu – pada 28 Januari yang lalu.

Dalam ucapan radionya kepada seluruh negeri, Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman telah menegaskan antara lain:

“Sebagai satu bangsa yang merdeka, kita mestilah mempunyai satu sahaja bahasa kebangsaan yang juga menjadi bahasa rasmi dan bahasa yang digunakan sehari-hari, kerana tidaklah bererti kemerdekaan kita itu sekiranya kita tidak ada bahasa sendiri yang boleh kita megahkan. Keadaan ini lebih-lebih lagi mustahaknya bagi negeri seperti Persekutuan Tanah Melayu yang mempunyai rakyat dari orang-orang yang berbagai-bagai asal keturunan dan ada pula bahasa mereka sendiri.”

Memina¹ bangsa Yang Bersatu-padu

Lebih lanjut Tengku berkata:

“Kita bersyukur kehadiran Tuhan kerana pada masa ini kita dapat saksikan dengan jelas bagaimana adanya perasaan baik antara penduduk di sini, dan dengan itu

dapatlah masing-masing memberi kerjasama yang rapat. Dengan adanya kerjasama itu maka negeri ini telah dapat maju ke hadapan dalam segala lapangan dengan tidak terhalang lagi. Saya yakin dan percaya bahawa perpaduan rakyat negeri ini akan menjadi bertambah-tambah kuat dan teguh kelak melalui bahasa kebangsaan itu kerana bahasalah jiwa bangsa. Bahasa kebangsaan inilah kelak kita harap-harapkan boleh menanamkam ke dalam jiwa tiap-tiap seorang rakyat negeri ini semangat kesedaran bahawa mereka ialah rakyat Tanah Melayu dengan pandangan yang mulia dan taat setia mereka tidak berbelah-bagi kepada Tanah Melayu. Maka pengakuan mereka itu bolehlah mereka buktikan dengan bersungguh-sungguh mempelajari bahasa Melayu. Dengan adanya cara ini dapatlah kelak muncul satu bangsa yang berpadu dan kuat di negeri kita ini.”

Usaha Dewan Bahasa Dipuji

“Sekarang”, kata Tengku lagi, “kerajaan sedang bergiat hendak meluaskan dan memperkayakan bahasa kebangsaan dan kerja ini sedang diselenggarakan dengan jayanya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kerja ini bukanlah satu kerja yang mudah dan mestilah diuruskan dengan cermat dengan memakan masa yang panjang. Tetapi hasil-hasil

¹ Membina

yang tegas telah pun diperoleh dalam kerja-kerja seperti menterjemah dan menyusun buku-buku sekolah bagi sekolah-sekolah menengah dan sebagainya. Maka saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pengarah dan kakitangan dewan itu.”

Nilaian Bahasa Kebangsaan

Dalam ucapannya di radio, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Tuan Syed Nasir bin Ismail berkata, rakyat Persekutuan Tanah Melayu terutama warganegara yang bukan Melayu, sekiranya ada di antara mereka yang masih juga mencari helah perkauman dengan mengatakan kononnya Dasar Bahasa Kebangsaan akan melemahkan kedudukan bahasa kaum asing, maka nyatalah mereka tidak bercita-cita hendak hidup sebagai satu bangsa yang kuat dan bersatu padu.

“Semangat seperti itu tidak ada bezanya dengan semangat hamba penjajahan yang mengagung-agungkan bahasa Inggeris sehingga tiap-tiap kali timbul perkara-perkara mengenai bahasa kebangsaan maka ada sahaja pihak yang berperasaan hamba penjajahan itu mengemukakan alasan-alasan teknikal tentang kelengkapan dan kelemahan bahasa.

Alat Perpaduan dan Kemegahan Kebangsaan

“Apa yang mustahak kita timbangkan dan kita fikirkan dalam gerakan ((Bulan Bahasa Kebangsaan)) ini ialah perikedudukan Bahasa Kebangsaan itu sebagai alat bersatu-padu dan alat kemegahan kebangsaan. Dengan fikiran dan pertimbangan itu kita akan dapat menghilangkan semangat perkauman atau semangat penjajah yang sentiasa mudah sahaja hidup dalam masyarakat kita yang sudah begitu teruk diracun oleh dasar-dasar penjajahan dahulu.” kata Tuan Syed Nasir lagi.

Dari Sebulan Ke Sebulan

Sambungan dari muka 7

Hendaklah berfikir sejenak apa masalahnya dan apa akibatnya sesuatu masalah itu tentulah lebih didahulukan daripada cara berkelek - suara terbanyak mengikut cara demokrasi yang bertentangan dengan dasar Islam.

* * *

Rencana-rencana yang berasa gelisah telah ditulis di dalam akhbar tempatan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Kongres Kebudayaan di Melaka yang memutuskan bahawa “kebudayaan Melayu ialah kebudayaan yang tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam hendaklah diterima menjadi Kebudayaan Nasional”. Mereka mengatakan orang-orang yang mengambil keputusan itu sendiri sekarang sedang bergiat mengadakan tarian-tarian nasional yang sudah tentu bertentangan dengan ajaran Islam.

Kalau orang-orang seperti ini diukur, apa lagi dilihat dari kaca mata Islam, sebagai pembuat kebudayaan nasional tentu tidaklah pelik – jangankan hendak mengkaji kebudayaan yang tidak bertentangan dengan agama Islam sedangkan untuk bersuci pun harus mereka tidak mengerti apa lagi setengah-setengah mereka baharu “masuk Islam” kerana hendak kahwin – dahulunya mereka orang atheis. Orang seperti inilah diharap untuk membina kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam?

* * *

Sedikit masa dahulu timbul “suatu majlis perdamaian” di antara badan-badan Islam di sini yang tidak bergaduh. Terbit daripada itu maka timbullah perjumpaan umum sebagai tanda kerjasama menghentam Qādiyānī. Pemimpin-pemimpin “Majlis Perdamaian” pun kemuka di dalam perjumpaan am itu. Kemudian timbullah pula gelaran sebagai “Bapa Perdamaian” kepada Hamka kemudian gelaran itu jatuh pula kepada Encik Yaakob Muhammad. Kemudian perkara itu senyap-sepi langsung tidak ada bunyinya. Sebahagian orang memandang bahawa Majlis Perdamaian tidak perlu kerana badan-badan Islam itu tidak bermusuhan dan orang-orang memandang adalah perjumpaan itu hanya sebagai tangga loncatan sebagai cari publisiti. Orang-orang yang mengerti hanya berkata “inilah dunia”.

Menyambut Bulan Ramaḍān

sambungan dari muka 9

Menaruh sangka jahat, mengeluarkan kata-kata yang kesat dan keji, mengejek-mengejek dan memaki hamun, menyakiti manusia dan menganiayai, mencerooboh, menurut nafsu marah, memandang kepada perkara yang haram, dan lain-lainnya. Kesemua perkara-perkara yang disebutkan itu – meskipun telah sedia haram dalam masa yang lain daripada bulan puasa – tetapi akan bertambah-tambah haramnya dalam masa puasa, dan sangat besar pula dosanya.

Perkara yang seperti inilah yang telah diisyaratkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan sabdanya yang bermaksud:

“Apabila telah masuk hari puasa maka janganlah seseorang kamu melakukan dosa ketika itu, dan janganlah ia mengeluarkan kata-kata yang celupar; kalau

Khusyukkah Sembahyang Tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi .

Sujudlah Kepada Tuhanmu!

Disusun oleh Edrus

Sebuah buku *Serial Syarahan 2* yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

Sesiapa memaki atau mengajak berkelahi maka berkatalah:

aku ini berpuasa

Orang yang beriman sebenar-benarnya, dialah yang bersungguh-sungguh supaya puasanya itu sempurna, dan diterima oleh Allāh Ta‘ālā. Tetapi itu tidak akan dapat dicapai melainkan setelah ia menahan diri bukan sahaja daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa tetapi juga daripada dosa-dosa dan perkara-perkara yang haram. Tentang ini Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah bersabda:

“*Man lam yada ‘ qawl al-zūr, wa al- ‘amal bihi falaysa li-Allāhi ḥājatun fī an yada ‘ ta ‘āmahu wa sharābahu.*”

“Barangsiapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan beramal dengannya, maka Allāh Ta‘ālā tiada berhajat kepada puasanya meninggalkan makan dan minum”

Puasa yang dikehendaki oleh syara’ ialah puasa yang dapat menanam sifat taqwa di dalam diri orang yang berpuasa itu. Puasa yang demikian tidak akan dapat mencapai tujuannya yang sebenar melainkan apabila orang yang berpuasa itu dapat menahan diri dari segala dosa dan hawa nafsu syahwat, sebagaimana ia menahan diri daripada makan, minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Puasa juga tidak dapat mencapai tujuan yang mulia, yang menjadi tujuan asalnya, melainkan apabila orang yang berpuasa itu berlaku sederhana dalam makan minumannya, dan meninggalkan perbuatan yang berlebih-lebihan.”

Jelasnya, puasa tidak akan sempurna selagi ia belum dapat menumbuhkan rasa “taqwā” pada diri orang yang berpuasa itu, sebagaimana yang tersimpul dalam firman Allāh Ta‘ālā :

“*Yā ayyuhā alladhīna āmanū kutiba ‘alaykumu al-ṣiyāma kamā kutiba ‘alā alladhīna min qablikum la‘allakum tattaqūn .*

“Hai orang-orang yang beriman diwajibkan atas kamu

puasa sebagaimana telah diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, mudah-mudahan kamu bertaqwa (menjauhkan diri dari larangan dan mengerjakan suruhannya)”

Puasa bulan Ramaḍān amat besar pahalanya dan amat besar pula kesannya pada diri orang yang mengerjakannya. Orang-orang yang berpuasa dengan sempurnanya sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak telah dipuji oleh Allāh ‘Azza wa Jalla di dalam al-Qurān al-Karīm, bahkan puasa itu telah dijadikan salah satu sifat daripada sifat-sifat orang yang beriman:

“Inna al-muslimīna wa al-muslimāti, wa al-mu’minīna wa al-mu’mināti, wa al-qānitīna wa al-qānitāti, wa al-ṣādiqīna wa al-ṣādiqāti, wa al-ṣābirīna wa al-ṣābirāti, wa al-khāshī’īna wa al-khāshī’āti, wa al-mutaṣaddiqīna wa al-mutaṣaddiqāti, wa al-ṣā’imīna wa al-ṣā’imāti, wa al-ḥāfiẓīna furūjahum wa al-ḥāfiẓāti, wa al-dhākīrīna Allāha Kathīra wa al-dhākīrāti, A’adda Allāhu lahum maghfīratan wa ajran ‘azīman.”

“Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam dan orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat dan orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar dan orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar dan orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang khusyuk dan orang-orang perempuan yang khusyuk, dan orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa dan orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatan mereka (daripada melakukan zina) dan orang-orang perempuan memelihara kehormatan mereka (daripada melakukan zina), dan orang-orang lelaki yang menyebut-nyebut (mengingati) Allah banyak-banyak dan orang-orang perempuan yang menyebut-nyebut (mengingati) Allah banyak-banyak, Allah menyediakan bagi mereka keampunan dan pahala yang besar”

Shaykh Abdul Rahman Shibli Sarawak

Shaykh Haji di Makkah al-Mukarramah

Telegram: Shibli Mekah

(Peti surat nombor 188)

Sedia menyambut dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Makkah, di Madinah, di Arafah dan di Mina dengan sepenuh-penuh puas hati. Tambang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan Saudi Arabia, yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian saudara yang mengunjungi Tanah Suci, yang sedia teratur perhubungan secara moden dengan belanja yang murah. Bershaykhlah dengan Shaykh Shibli yang berdekatan dengan Masjid al-Ḥarām.

Berhubunglah dengan wakil kita:

S. AHMAD MUSTAPHA AL-EDRUS,

d/a 356/358, Geylang Road, Singapore 14.